

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengurangkan bayaran cukai jalan untuk kenderaan diesel memandangkan Kerajaan telah mengurangkan subsidi diesel dan harga diesel sekarang lebih mahal dari Petron RON 95.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semakan kadar fi Lesen Kenderaan Motor (LKM) telah beberapa kali dilaksanakan pada sebelum ini. Sebagai contoh, dalam tahun 2007, kadar fi bagi kenderaan motor pendaftaran milik persendirian berkapasiti enjin 1,000cc dan ke bawah telah ditetapkan pada kadar yang rendah iaitu hanya RM20 setahun. Sementara itu, bagi motosikal yang berkapasiti enjin 150cc dan ke bawah telah ditetapkan pada kadar fi LKM pada RM2.00 sahaja.

2. Seterusnya, satu lagi semakan semula kadar fi LKM telah dilaksanakan dalam tahun 2008 yang antara lain melibatkan perkara-perkara berikut:

- (i) fi LKM bagi kenderaan motor pendaftaran milik persendirian (jenis saloon dan bukan saloon), milik individu dan syarikat yang menggunakan bahan bakar diesel atau diesel hijau telah diselaraskan dengan kadar bahan bakar petrol; dan
- (ii) fi LKM bagi kenderaan perkhidmatan awam seperti bas ekspres, teksi, kereta sewa, bas persiaran dan bas catar ditetapkan pada kadar rata iaitu RM20 setahun. Manakala bagi bas mini, bas sekolah dan bas henti-henti, kadar fi LKM adalah RM2 setahun.

3. Dalam tahun 2011 pula, Kementerian Pengangkutan juga telah memberikan insentif pengurangan kadar fi LKM melibatkan kenderaan-kenderaan berteraskan teknologi hijau (pelepasan rendah karbon) termasuklah kenderaan motor menggunakan bahan bakar diesel hijau dan dengan kuasa elektrik dengan pengurangan kadar fi LKM sebanyak 50% dari kadar sedia ada.

4. Dalam hubungan ini, sebarang cadangan pengurangan kadar fi LKM di masa hadapan perlu dikaji dengan terperinci dengan mengambil

NO. SOALAN : 8

kira kesannya kepada kutipan hasil Kerajaan serta impaknya kepada keseluruhan ekosistem pendaftaran kenderaan motor di Malaysia. Mengambil kira inisiatif dan semakan semula kadar fi LKM yang telah dilaksanakan sebelum ini, maka Kementerian Pengangkutan pada masa ini tiada mempunyai sebarang perancangan untuk mengurangkan kadar perkiraan bayaran fi LKM yang khusus bagi kenderaan motor menggunakan bahan bakar diesel sahaja.